

18/06/1999

Politik Selangor terus stabil

Minarni Mat Saad

UMNO Selangor ditubuhkan secara rasmi pada 14 Februari 1953 di Dewan Masyarakat Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan disaksikan setiausaha agung parti ketika itu, Yasin Abdul Rahman dan ketua penerangannya, Syed Jaafar Albar.

Tujuh Umno bahagian ditubuhkan menganggotai Umno Selangor iaitu Sabak Bernam, Klang, Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor. Sejak penubuhannya, Umno Selangor sehingga hari ini diterajui tujuh pemimpin yang banyak berjasa.

Bermula dengan Aziz Ishak pada 1953, Umno negeri kemudian dipimpin Datuk Abu Bakar Baginda pada 1959 selepas dilantik sebagai menteri besar pertama diikuti Datuk Harun Idris sebagai menteri besar kedua selepas pilihan raya 1964.

Harun yang pernah dipilih sebagai Naib Presiden Umno memimpin Umno negeri selama 12 tahun iaitu sehingga beliau meletakkan jawatan pada 1976.

Kesinambungan kepemimpinan Umno Selangor diteruskan oleh menteri besar ketiga, Datuk Hormat Rafei sebelum diteruskan oleh menteri besar keempat, Datuk Ahmad Razali Mohd Ali.

Selepas perhimpunan Agung Umno 1987, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dipilih sebagai menteri besar kelima dan Pengerusi badan Perhubungan Umno Selangor keenam. Selain memimpin Umno Selangor selama 10 tahun, beliau juga Naib Presiden Umno sejak 1993.

Muhammad akhirnya melepaskan jawatan itu kerana menghadapi perbicaraan mahkamah di Brisbane, Australia dan tidak mahu masalah yang dihadapinya menjejaskan nama baik parti.

Kepemimpinan Selangor diteruskan apabila Datuk Seri Abu Hassan Omar diberi mandat oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor ketujuh. Abu Hassan yang berganding bahu bersama pucuk pimpinan Umno negeri sejak 1980 sebagai Ahli Jawatankuasa dan selepas itu sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri pada 1982.

Iltizam beliau ialah memastikan politik Selangor terus stabil dan kukuh serta mendapat kepercayaan rakyat, terutama apabila negara menghadapi kegawatan ekonomi dan politik.

Beliau mempunyai rekod peribadi, kerjaya dan kepemimpinan membanggakan. Bermula dengan pencapaian akademik cemerlang di Kolej Melayu Kuala Kangsar, beliau melanjutkan pelajaran sehingga peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Pembangunan Kawasan dan Wilayah dari Universiti Hull, England. Beliau juga dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat dari universiti yang sama.

Abu Hassan mempunyai pengalaman 14 tahun sebagai pentadbir awam dalam bidang pembangunan dan diberi kepercayaan merancang dasar kerajaan sebagai Setiausaha Parlimen sehingga menerajui tujuh kementerian bagi tempoh 1978-1997.

Rekod politik Abu Hassan cukup meyakinkan dan membanggakan ahli dan pemimpin parti. Beliau mendapat kepercayaan dan mandat ahli untuk memimpin Umno bahagian Kuala Selangor sejak 1980. Anak watan Kuala Selangor itu mengekalkan kerusi Parlimen kawasan berkenaan lima penggal berturut-turut. Abu Hassan mencatat prestasi cemerlang sebagai ahli jawatankuasa dan kemudian sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dari 1982 hingga 1997.

Pemimpin veteran Umno Selangor itu diterima oleh ahli Umno seluruh

negara apabila dapat bertahan sebagai Ahli Majlis Tertinggi parti sejak 1978.

Abu Hassan berazam memikul tanggungjawab sebagaimana yang dilakukan oleh pimpinan terdahulu dalam memastikan kepemimpinan Umno negeri terus diterima orang Melayu sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu.

Dari segi pentadbiran, beliau merencana wawasan yang bertujuan menggembelng tenaga rakyat, pemimpin dan pentadbiran serta sektor swasta untuk menjadikan Selangor negeri maju menjelang 2005.

Abu Hassan menjadikan Tonggak 10 sebagai teras pentadbiran negeri yang perlu dilaksanakan setiap peringkat agensi jabatan kerajaan. Setiap tonggak yang diperkenalkan memberi penekanan dan sokongan terhadap apa yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

Contohnya, penekanan diberi kepada projek mega industri teknologi maklumat (IT) negara iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC). Projek mega yang terletak di Selangor mendapat sokongan sepenuhnya daripada pelbagai peringkat masyarakat kerana ia bukan saja memberi peluang pekerjaan malah membuka peluang perniagaan dan membolehkan Selangor melahirkan pakar dalam bidang IT.

Sebagai parti politik yang begitu penting dalam mewarna dan mencorakkan sistem politik, ekonomi dan sosial orang Melayu di negara ini sejak setengah abad lalu, Umno melewati beberapa zaman.

Dari zaman penjajah membawa kepada zaman kemerdekaan dan seterusnya zaman moden untuk kelansungan orang Melayu. Umno adalah parti menjadi pelindung yang berjuang dan mendukung cita-cita kebanggaan Melayu demi mengekalkan maruah serta martabat bangsa, agama dan negara.

Bagi Umno Selangor, orang Melayu di negeri itu terus menikmati keistimewaan selagi parti yang dipilih mewakili mereka. Dalam apa juga projek yang dilaksanakan kerajaan negeri, penekanan terhadap pembabitan orang Melayu terus diberikan. Walaupun Umno teraju utama parti pemerintah, peranan dan kepentingan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain yang mewakili bukan Melayu tidak kurang pentingnya. Hasil kerjasama antara komponen BN yang dikemudi Umno meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Hubungan erat antara semua parti komponen BN antara resipi memudahkan memerintah sebuah negara yang dianggotai masyarakat majmuk.

Kerajaan Selangor juga mengamalkan dasar memberi peluang yang sama kepada 11 wakil MCA menganggotai Dewan Undangan Negeri dan tiga wakil MIC manakala seorang wakil Gerakan. Selain itu, dua ahli Exco dari parti MCA serta masing-masing seorang dari Gerakan dan MIC mengukuhkan lagi kedudukan BN di Selangor.

Umno Selangor juga menjalin kerjasama dengan Parti Rakyat Progresif (PPP) yang turut berjaya melaksanakan tanggungjawab mengembangkan falsafah dan konsep BN bagi menyatukan masyarakat pelbagai kaum, kebudayaan, bahasa dan agama serta memiliki ragam dan latar belakang berbeza.

Sebagai negeri termaju di negara ini dan terletak berhampiran kerajaan Pusat, Selangor tidak dapat dipisahkan daripada hubungan politik, ekonomi dan sosial dengan Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur.

Malah, projek mega yang banyak dilaksanakan oleh Persekutuan di Selangor memberi limpahan ekonomi dan peluang perniagaan kepada rakyat di negeri itu.

Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, PutraJaya, Koridor Raya Multimedia, bandar raya pintar Cyberjaya yang dilaksanakan di Selangor memberi manfaat kepada rakyatnya atau rakyat negeri lain mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan sehingga mengakibatkan penghijaran penduduk bertumpu ke negeri itu.

Banyak faedah ekonomi sampingan diperolehi rakyat hasil wujudnya anjung pembangunan. Sepang saja mencatat lebih 1,000 jutawan baru Bumiputera berikutan peningkatan harga tanah di daerah itu. Pelaksanaan projek mega

di Selangor juga membuktikan keakraban kerajaan negeri dengan Persekutuan. Selangor sentiasa menyokong penuh sebarang pembangunan yang hendak dilaksanakan sehingga membolehkan projek berkenaan berjalan lancar, terutama dalam aspek kelulusan dan pengambilan balik tanah.

Sokongan Umno Selangor kepada Dr Mahathir tidak pernah berbelah bahagi. Ketika perasmian Bangunan Umno Selangor di Shah Alam pada 13 Mei lalu, Abu Hassan mengulangi sokongan padu kepada Perdana Menteri serta apa juga tindakan dan keputusan yang dibuat untuk mengatasi kemelut ekonomi dan politik negara.

Bagi menyokong kepimpinan Dr Mahathir, Umno Selangor memperkenalkan Budaya Murni dan Bersih atau lebih dikenali sebagai Budaya MB. Budaya MB diwujudkan dengan harapan ahli Umno di Selangor lebih bersedia untuk memikul tugas melaksanakan pembangunan dan kepimpinan negara mengikut lunas mulia yang diutarakan oleh pemimpin parti dalam Wawasan 2020.

(END)